

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI)

TARIKH : 10 JUN 2014

**SOALAN : Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG minta
PERDANA MENTERI menyatakan:**

- a) adakah Kerajaan sedar sejak kebelakangan ini semakin banyak kes yang melibatkan rakyat Malaysia yang mengeluarkan kenyataan berbaur kebencian kepada rakyat negeri Sarawak di laman sosial; dan
- b) apakah tindakan Kerajaan untuk menangani masalah tersebut yang boleh mengorbankan keharmonian serta menyuburkan kebencian antara rakyat Sarawak dan Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN :

Yang Di Pertua,

Kerajaan menyedari tindakan sesetengah pihak di Negara ini yang cuba membakar semangat perkauman antara penduduk Sabah, Sarawak dan WP Labuan dengan penduduk Semenanjung melalui penyebaran sentimen kebencian dan penghinaan di laman sosial sejak kebelakangan ini. Tindakan tidak bertanggungjawab dan berniat untuk memecahbelahkan perpaduan rakyat negara ini. dilihat satu ancaman ke arah perpecahan kaum dan mampu membawa kesan yang lebih buruk jika tidak dikawal.

Atas dasar itu, Kerajaan sentiasa berusaha untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera dengan membendung segala bentuk penulisan dan kelakuan yang bertentangan dengan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN). JPNIN yang berperanan memelihara, meningkat dan mengukuhkan perpaduan rakyat di Negara ini berlandaskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara mempelbagaikan program dan aktivitinya sebagai usaha menyebarluaskan pendidikan perpaduan kepada seluruh rakyat di Negara ini tanpa mengira kaum. Justeru dalam usaha untuk membendung penulisan dan kelakuan yang bertentangan dengan Rukun Negara dan apa-apa sahaja provokasi yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan, maka terdapat akta-akta sedia ada masih berkuatkuasa digunakan untuk membendung gejala dan masalah ini antaranya adalah:

- 1) Akta Hasutan 1948
- 2) Akta Keselamatan Langkah-langkah Khas 2012
- 3) Akta Perhimpunan Aman 2012
- 4) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984

Kerajaan sentiasa meneliti akta-akta tersebut dan jika perlu, kandungan akta-akta tersebut akan diberi penambahbaikan dari segi undang-undang berkaitan penulisan dan kelakuan yang boleh menggugat kestabilan negara. Undang-undang yang sedia ada telah mencukupi untuk memastikan rakyat atau individu tertentu sentiasa berwaspada dengan segala bentuk penulisan dan kelakuan mereka yang boleh menggugat dan menyentuh sensitiviti masyarakat pelbagai agama, budaya dan adat resam di negara ini yang boleh menjaskan keharmonian negara.

Di samping itu, JPNIN juga sentiasa memantau permasalahan yang boleh menggugat keharmonian masyarakat melalui pengesanan isu yang menyentuh sensitiviti masyarakat. Ini secara langsung dapat membantu Kerajaan mengesan isu-isu sensitif dan sekaligus mencari jalan penyelesaian bagi membendung ianya dari terus merebak. Ini dapat dilihat dengan beberapa tindakan tegas kerajaan terhadap individu-individu yang menghina Institusi Raja dalam laman sosial.

Dalam masa yang sama, penerapan terhadap penghayatan dan pengamalan Lima Prinsip Rukun Negara di kalangan rakyat terutamanya di kalangan generasi muda di sekolah rendah dengan menengah hingga ke institusi pengajian tinggi sedang digiat dijalankan oleh JPNIN dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia melalui penubuhan dan perluasan Kelab Rukun Negara (KRN) di sekolah rendah dan menengah dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Sehingga kini, sebanyak 5587 KRN telah ditubuhkan di sekolah dan 135 SRN ditubuhkan di IPT di seluruh negara. Pelaksanaan KRN dan SRN ini secara dasarnya menjadi payung kepada setiap aktiviti di sekolah-sekolah dan mana-mana IPT agar aktiviti yang dilaksanakan berlandaskan kepada 5 Prinsip Rukun Negara. Usaha ini dilaksanakan secara intensif antara 2 agensi ini dengan harapan untuk membentuk warga negara yang cintakan negara, taat kepada Raja, menghormati Keluhuran Undang-undang dan mematuhi Perlembagaan Persekutuan.

Antara lainnya, beberapa langkah turut diambil oleh Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan perpaduan dan integrasi di kalangan rakyat pelbagai kaum dan latar belakang di negara ini yang membuktikan keberkesanannya dalam memupuk keharmonian dan memperkuatkan perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai kaum dan latar belakang di negara ini. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) selaku agensi peneraju dalam aspek perpaduan dan integrasi nasional turut menjalankan beberapa kajian keberkesanannya ke atas program-program Jabatan bagi mengetahui dan mengenalpasti elemen keberkesanannya dan penerimaan masyarakat dalam menyertai program Jabatan. Antara kajian tersebut adalah :

1. *Kajian Keberkesanannya Program Lawatan Integrasi Dalam Memupuk Integrasi Nasional pada tahun 2007 oleh Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).*
2. *Kajian Peranan Skim Rondaan Sukarela (SRS) Dalam Mencegah Jenayah Di Bandar oleh Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada 2009.*
3. *Kajian Keberkesanannya Program Khemah Kerja Perpaduan (Kem Padu Anak Malaysia) dalam Memupuk dan Mengukuhkan Perpaduan Negara dan*

Patriotisma Dalam Kalangan Generasi Muda oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 2008.

4. *Kajian Keberkesanan Program Rukun Tetangga Dalam Memupuk Perpaduan dan Integrasi Nasional* oleh Universiti Teknologi Melaka (UteM) pada 2006.
5. Kajian keberkesanan ke atas program-program integrasi komuniti yang dijalankan secara dalaman oleh JPNIN sendiri.

Secara keseluruhannya, penemuan-penemuan kajian mendapati program-program JPNIN didapati boleh memupuk semangat toleransi, mengikis sikap prejudis dan mengurangkan tanggapan negatif terhadap kaum lain. Ini memandangkan penganjuran program integrasi komuniti berbentuk Keluarga Angkat dalam tempoh yang agak panjang iaitu 3 hingga 6 hari berbanding dengan program-program lain. Ini secara langsung memberi lebih masa, ruang dan peluang kepada peserta untuk tinggal bersama dan saling kenal mengenali dengan penduduk tempatan. Tinjauan dari kalangan peserta program mendapati pendekatan tinggal bersama keluarga angkat di kalangan masyarakat tempatan adalah berlainan dan lebih memberi pengalaman sebenar kepada peserta.

Prinsip penerimaan dan keadilan sosial yang menjadi tonggak Gagasan 1 Malaysia amat penting diterapkan di kalangan rakyat yang berbilang kaum, agama, bahasa dan budaya sebagai usaha menyatupadu dan mewujudkan sebuah negara yang menjamin keadilan, keamanan dan kesamarataan di kalangan rakyatnya. Sehubungan itu, menerima perbezaan antara satu sama lain dan pengamalan nilai-nilai murni antara kaum dan agama (inter religious common values) perlu disemai dan dibajai di kalangan rakyat terutama generasi muda agar mereka lebih memahami, mendalami, menerima dan mempraktikkan konsep 1 Malaysia sebagai landasan hidup setiap warga dan menjadi wadah perpaduan rakyat yang bersatu padu.

Bagi memastikan keharmonian dan perpaduan negara pelbagai kaum terus dipertingkatkan maka pelbagai program dan inisiatif Kerajaan yang tidak meminggirkan mana-mana rakyat di negara ini juga dipergiatkan melalui program-program yang sedang dan akan terus dilaksanakan oleh beberapa kementerian dan agensi kerajaan lain yang juga menggalakkan interaksi dan memupuk integrasi nasional secara langsung dan tidak langsung, misalnya, penempatan pelajar-pelajar dari dua wilayah dalam institusi-institusi pengajian tinggi, program pendidikan guru, latihan kemahiran, Program Latihan Khidmat Negara, program pembangunan belia dan sukan, program seni budaya, program koperasi dan kepenggunaan dan sebagainya. Mobiliti pekerjaan antara dua wilayah juga telah dan akan terus berlangsung. Selain itu, program dan aktiviti integrasi di bawah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) bagi peningkatan integrasi antara wilayah seperti Program Orientasi bagi para pegawai Kerajaan dari satu wilayah bertugas di wilayah lain, Lawatan Integrasi bagi pemimpin masyarakat, Titian Integrasi bagi pelajar IPT, Titian Padu bagi pelajar sekolah menengah, Homestay Integrasi, Kembar Padu dan Silang Budaya akan terus dilaksanakan.